

# PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2023

UiTM CNS



**ENCULTURE**

**ENGAGE**

**CREATE**



**EXCELLENT  
SYNERGY  
INTEGRITY**

eISSN 2805-5535



9 772805 553005

## PENANDAAN HARGA BARANGAN ETIKA DALAM PERNIAGAAN

Wan Mohd Rizlan Wan Idris dan Ts. Siti Nafisah Md Rashid  
Jabatan Sains Fizik & Sains Bahan, UiTM CNS Kampus Kuala Pilah

Isu peniaga culas dalam meletakkan tanda harga pada barang jualan sering disuarakan oleh para pengguna dan turut mendapat liputan daripada media tempatan. Penguatkuasaan tanda harga barangan jualan mula diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1977 dengan 111 barangan terpilih sahaja. Dahulunya ia dikenali sebagai Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan kini telah diganti dengan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993, merangkumi semua jenis barangan, sama ada ia dijual di kedai runcit, pasar basah, pasar tani, pasar malam, pasaraya besar, pasar mini, kiosk, kedai sukan, kedai emas, butik pakaian, aksesori mahupun lain-lain perniagaan yang menjual secara runcit kepada pengguna akhir.

Penandaan harga barangan ini boleh dilakukan oleh para peniaga dalam pelbagai cara, warna dan saiz asalkan ia jelas untuk dilihat, tidak mengelirukan pengguna dan hendaklah dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia (RM).



A 'ROOM RATE' table for a hotel. The table lists various room types and their corresponding rates. The rates are listed in RM. The table also includes a note about the hotel's policy regarding room rates and services.

Room Type	Standard Room	Family Room	Suite Room
Standard Room	RM115	RM115	RM115
Family Room	RM115	RM115	RM115
Suite Room	RM115	RM115	RM115

Sebagai seorang peniaga, tindakan memaparkan tanda harga barangan merupakan satu etika yang wajar dipatuhi bagi memastikan urusan jual beli menjadi lebih telus dan jelas. Sebagai pengguna pula, mereka harus cakna pada setiap pembelian yang dilakukan agar tidak sewenang-wenangnya menjadi mangsa penipuan. Di samping itu, dengan adanya tanda harga barangan, ia dapat membantu pengguna atau pembeli untuk membuat anggaran perbelanjaan yang perlu dikeluarkan bagi mengelakkan ke arah perbelanjaan yang berlebihan yang boleh menjurus kepada pembaziran dan perbelanjaan tidak berhemah.

Masalah ketiadaan paparan tanda harga barangan bukan sahaja berlaku di pasar-pasar, malah perkara sama turut berlaku di restoran dan gerai makanan di tepi jalan secara terang-terangan. Kebiasaannya, kesalahan utama di gerai makanan adalah harga jualan minuman dan makanan tidak dipamerkan atau peniaga tidak mempunyai buku senarai harga menu makanan dan minuman. Di restoran pula, petunjuk harga yang dipaparkan kadangkala tidak dikemaskini mengikut harga semasa. Ini menyebabkan pelanggan percaya bahawa makanan yang dipesan masih dikekalkan pada harga lama, dan kekeliruan tanda harga ini membuatkan pengguna seolah-olah 'ditipu' apabila membayar pesanan mereka.

Ketiadaan paparan tanda harga barangan, makanan dan minuman ini juga boleh dikaitkan dengan sikap peniaga yang culas dan cuba mengambil kesempatan terhadap pembeli. Sebagai contoh, kewujudan gerai jualan buah-buahan di tepi jalan boleh diibaratkan seperti cendawan tumbuh setelah hujan terutamanya menjelang musim perayaan. Walaupun dengan kewujudan lebih banyak gerai memberi lebih banyak pilihan kepada para pengguna untuk memilih, namun dengan keingkaran penjual meletakkan tanda harga boleh menjadikan pengguna pula sebagai mangsa. Malah, apa yang lebih membimbangkan, harga barangan tersebut juga boleh berubah-ubah mengikut kepada penampilan pelanggan yang singgah ke gerai mereka. Inilah peluang untuk penjual bermain harga dan mengaut keuntungan yang lebih terhadap pelanggan.





Sungguhpun keuntungan menjadi keutamaan kepada para peniaga, namun sebagai peniaga tidak salah sekiranya mereka dapat menyelami sedikit sebanyak perasaan pengguna yang pastinya akan mementingkan harga dan kualiti barangan yang dibeli. Pengguna seharusnya lebih bijak dalam membandingkan harga dan membuat pilihan barangan, agar perbelanjaan yang dibuat adalah berhemah dan mengikut kemampuan masing-masing. Di samping itu, pengguna juga digalakkan untuk bertanya terlebih dahulu kepada peniaga sebelum sebarang urusan jual beli dilakukan. Ini bagi mengelakkan kekeliruan dan timbul rasa tidak puas hati yang boleh menjejaskan hubungan kedua-dua belah pihak.

Lantaran itu, pihak berkuasa juga perlu bersifat proaktif bagi memastikan setiap peniaga komited dalam mempamerkan tanda harga barangan di premis masing-masing. Operasi pemerhatian dan pemantauan secara rawak perlu dipergiatkan lagi tanpa perlu menunggu aduan daripada pengguna mahupun hanya dilakukan pada musim-musim perayaan sahaja. Selain itu, denda dan kompaun yang setimpal dengan kesalahan peniaga juga perlu diberikan sebagai pengajaran kepada mereka agar tidak mengulang semula kesalahan tersebut. Semoga dengan usaha ini, dapat menjadikan peniaga lebih jujur dan bertanggungjawab, di samping mewujudkan situasi menang-menang antara peniaga dan pengguna dalam konteks urusan jual beli barangan.

## **RUJUKAN**

<https://www.kpdn.gov.my/index.php/ms/perdagangan/penkuatkuasaan/penkuatkuasaan-tanda-harga>

<http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071788/semakin-ramai-peniaga-makanan-abai-tanda-harga>